



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**SEMINAR MODUL PENGUKUHAN,
GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI RASUAH
PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN WILAYAH
PERSEKUTUAN**

17 APRIL 2025

**DEWAN SERBAGUNA
MENARA SERI WILAYAH**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام
على سيدنا محمد أشرف المرسلين،
وعلى آله وصحبه أجمعين

Ketua Pengarah – **Datuk Seri Noridah;**

Dato' Azmi – Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan) SPRM;

Panel-panel forum

- **Dato' Sri Dr. Akhbar Satar**
- **Dato' Seri Shamshun Baharin**
- **Dato' Sutinah**

Dato' Mazlan – Presiden Persatuan Bekas Pegawai SPRM yang juga saya dimaklumkan akan menjadi moderator forum sebentar nanti;

Ketua-ketua Agensi Jabatan Wilayah Persekutuan yang hadir;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam satu seminar yang saya kira cukup diperlukan, *it could not be timelier*, iaitu Seminar Modul Pengukuhan, Governans, Integriti dan Anti Rasuah Pengurusan Tertinggi, anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama SPRM dan Persatuan Bekas Pegawai SPRM.

2. Tahniah saya ucapkan atas penganjuran ini yang saya kira sangat bertepatan dengan keperluan semasa kita, di mana ini adalah satu manifestasi komitmen kita secara bersama dalam membina kepercayaan rakyat terhadap sistem kerajaan. Inilah misi utama Kerajaan MADANI di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri kita yang ke-10.

3. Beliau sering kali menegaskan bahawa *governance is the foundation of MADANI* dan asas ini perlu digerakkan dengan semangat *itqan fil amal*, yakni kesungguhan yang benar-benar dalam pelaksanaan, bukan sekadar satu retorik semata-mata.

4. Maka, apabila kita bercakap, baik tentang tata kelola atau governans, mahupun integriti, saya ingin tekankan, ini bukan hanya soal prosedur kerja semata-mata, ini tentang soal yang lebih besar daripada itu, iaitu kepercayaan dan keyakinan rakyat, di mana kepercayaan ini, kita hanya boleh bina dengan segala tindakan kita yang konsisten, berani dan bersifat *value-based*.

MENGANGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN SEBAGAI LAMBANG TADBIR URUS YANG BAIK

Hadirin sekalian,

5. Dalam konteks bandar yang strategik tumpuannya seperti Wilayah Persekutuan ini, yang juga merupakan pentas utama pemerintahan serta wajah negara, cabaran kita dalam soal ini adalah kompleks.

6. Contohnya di Kuala Lumpur, isu-isu seperti kelulusan pembangunan, urusan tanah, kawal selia penjaja-penjaja kecil, pemberian kontrak, penyelenggaraan dan banyak lagi sering menjadi tumpuan dan berisiko kepada penyalahgunaan kuasa, ketirisan serta isu *gatekeeping* yang tidak sihat.

7. Maka, kita tidak boleh benarkan Wilayah Persekutuan ini dilihat sebagai satu lambang birokrasi yang melelahkan. Sebaliknya, kita perlu menjadi contoh pengimplementasi tata kelola yang berani mencabar *status quo*, yang memperlihatkan ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti sebenar dalam pelaksanaan.
8. Wilayah Persekutuan ini adalah kota yang menjadi pentas kepada pelbagai persepsi rakyat. Jika integriti kita bocor di sini, kesan dominonya boleh menghancurkan keyakinan terhadap keseluruhan sistem pentadbiran negara.

9. Walau bagaimanapun, saya tidak mahu kita hidup dalam penafian. Saya sedar bahawa tugas untuk kita mempertahankan nilai dalam sebuah sistem yang sentiasa dicabar oleh pelbagai kepentingan dan tekanan, bukanlah satu perkara yang mudah dan juga ringan. Tapi, walau apa cara sekali pun, kita perlu laksanakannya. *By hook or by crook*. Perlu ada reform, baik menggunakan pendekatan *top-down* mahupun pendekatan *bottom-up*. Perlu ada tindakan segera dan tegas untuk atasi isu ini.

REFORMASI BUKAN HANYA PROSEDUR, TETAPI CARA FIKIR

Para hadirin sekalian,

10. Saya ucap tahniah kepada Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi yang telah pun mengambil langkah berani bagi menambah baik proses kerja dan mengurangkan birokrasi yang berlapis-lapis.

11. DBKL misalnya, yang telah menambah baik proses permohonan permit kebenaran merancang yang dulunya ratusan hari, kemudian dipercepatkan ke 43 hari dan kemudiannya disingkatkan lagi kepada 21 hari sahaja. Perbadanan Putrajaya pula, yang mana proses kelulusan DO nya hanya mengambil masa 9 hari sahaja. Ini satu penambahbaikan proses yang patut kita puji.

12. Tetapi, kita jangan hanya ambil tindakan tersebut secara literal sahaja. Kita tidak boleh hanya bangga dengan angka. Apa yang kita perlukan sebenarnya adalah perubahan budaya, di mana pembetulan ini bukan hanya pada prosedur semata-mata, tetapi pada cara fikir para pegawai. Pembudayaan itu perlu ada. Perlu kita tanam dalam pemikiran semua warga kerja kita. Jangan hanya kita yang berada di atas ini berdegar-degar melaungkan kejayaan reformasi, tetapi yang di bawah, asasnya dan prinsipnya pun jauh benar dengan laungan tersebut dan semangatnya itu tidak sampai.

13. Jadi, saya minta semua yang ada di hadapan saya ini, mainkan peranan anda masing-masing dalam mengambil tanggungjawab untuk memimpin kebudayaan ini. Kita perlukan *change agent*. Kalau ada sistem yang lapuk, semak semula. Kalau ada SOP yang membuka ruang kepada manipulasi dan salah guna, betulkan. Kalau masih wujud budaya takut menegur, hentikan. Dan yang paling penting, keputusan yang telah kita sepakati perlu dilaksanakan secara konsisten. Jangan bersifat *consistently inconsistent* yang akhirnya akan merosakkan keyakinan rakyat di luar sana.

14. Kita harus jujur dalam menilai kelemahan kita. Kalau kita benar-benar mahu menjadikan Wilayah Persekutuan ini sebagai contoh sebuah bandar yang berdaya tahan, kita mesti berani memecahkan ‘tembok bisu’, iaitu sikap membisu apabila melihat satu-satu kesalahan dan kesilapan. Budaya integriti ini mesti kita bina, bukan sahaja dengan kod etika, tetapi dengan teladan, kejujuran dan keberanian moral kita.

15. Rasuah ini jika terus dibiarkan membengkak, akan menghancurkan keadilan, akan melahirkan masyarakat yang pentingkan diri serta menatijahkan hasil kerja yang buruk, lalu menjadikan pengurusan pentadbiran itu kucar-kacir. Apa yang saya sebut ini, bukan hanya teori di atas kertas semata-mata, ini adalah realiti yang perlu kita hadapi, jika kita tidak segera bertindak mengatasinya dengan prinsip yang jelas.

16. Sejarah dunia telah banyak kali memberi isyarat bahawa sesebuah tamadun dan negara boleh hancur, bukan hanya kerana musuh luar, tetapi kerana kerosakan dalaman, rasuah dan kelemahan tata kelola. Kita lihat sejarah bagaimana Empayar Rom musnah bukan hanya kerana pencerobohan, tetapi kerana institusinya dilemahkan oleh perasuah dan pengkhianatan dalaman. Empayar Ming di China, Empayar Mughal, dan yang lebih kontemporari ini seperti Zaire di bawah Mobutu serta krisis Venezuela. Kesemuanya adalah pengajaran bahawa rasuah ini merupakan racun yang menghancurkan keseluruhan bangsa.

17. Dalam konteks Islam, perkara ini jauh lebih berat. Imam al-Suyuti rahimahullah, ketika mensyarahkan kaedah fiqh dalam al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah menyebut: Suatu yang haram diambil, haram juga diberikan. Ini adalah satu peringatan tegas bahawa kedua-dua pemberi dan penerima rasuah itu memikul beban dosa yang sama berat, kerana kedua-duanya menyumbang kepada kerosakan sistem. Maka, atas dasar ini, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menghentikan sebarang bentuk kompromi terhadap amalan yang menyalahi integriti ini, walau sekecil mana pun ia bermula.

18. Seperti semua sedia maklum, mulai tahun lalu, saya telah pun memperkenalkan satu pendekatan budaya kerja baru di Wilayah Persekutuan ini iaitu, yang saya akronimkan sebagai HARMONI – Hormat, Adil, Responsif, Mampan, Orientasi Rakyat, Nilai Empati dan Integriti. Budaya HARMONI ini bukan lah sekadar satu slogan semata-mata, bahkan ia perlu ditanam sebagai prinsip panduan dalam setiap tindakan, perancangan dan interaksi kita dengan rakyat terbanyak. Ia adalah landasan dan panduan kepada semua usaha reformasi yang kita ingin laksanakan di Wilayah Persekutuan ini.

MENJAYAKAN BUDAYA HARMONI MELALUI TATA KELOLA DAN KEBERTANGGUNGJAWAB

Hadirin sekalian,

19. Saya harap seminar hari ini tidak hanya terhenti di sini sahaja, tetapi perlu ada kesinambungannya. Seminar ini perlu jadi pencetus kepada gerakan pembudayaan nilai di setiap lapisan organisasi.

20. Datuk Nori, boleh tengok dan kaji tentang keperluan untuk menubuhkan satu pasukan pemacu governans dan integriti untuk ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Dalam masa yang sama juga, semua bahagian dan agensi-agensi juga boleh untuk membuat audit sendiri terhadap semua SOP dan proses kerja sedia ada. Bukan untuk mencari salah, tetapi untuk mencari ruang penambahbaikan yang berterusan.

21. Dalam hal menambahbaik tata kelola ini, ia perlukan tindakan semua pihak. Reformasi sebenar hanya akan berlaku apabila semua warga sesuatu organisasi itu merasakan bahawa mereka adalah penjaga kepada nilai integriti organisasinya.
22. Kita perlu bergerak ke arah penambahbaikan yang berasaskan prinsip kerana tiada siapa pun yang kebal dalam urusan ini. Kerajaan MADANI hari ini telah meletakkan satu asas dan panduan yang jelas, iaitu reformasi tidak boleh dipisahkan daripada prinsip kebertanggungjawaban.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Kita sedang membina sebuah budaya yang baru. Dan saya percaya bahawa setiap keputusan yang kita buat dengan niat yang jujur, akan membina keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam dan juga kerajaan secara amnya.
24. Semoga seminar ini menjadi wahana kepada kita untuk menyemai benih integriti, menyuburkan pohon kebertanggungjawaban dan menuai hasil sebuah sistem yang benar-benar berkhidmat demi rakyat.

25. Dengan lafaz
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan
ini merasmikan Seminar Modul
Pengukuhan, Governans, Integriti dan
Anti Rasuah Pengurusan Tertinggi
Jabatan Wilayah Persekutuan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.